

Soalan-soalan Lazim - Deposit-i Berjangka dengan Kadar Terapung (FRTD-i)

1	Apakah Deposit-i Berjangka dengan Kadar Terapung (FRTD-i)? Akaun FRTD-i ialah akaun deposit untuk suatu tempoh di mana keuntungan (jika ada) dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (EPR). - Secara amnya, EPR terdiri daripada dua komponen (i) penanda aras, dan (ii) spread. - Kitaran Penetapan Semula Harga (ERC) EPR, Kekerapan Pembayaran Keuntungan (PPF) dan parameter lain yang digunakan akan dinyatakan dalam borang berkenaan apabila peletakan bermula. Untuk mengelakkan keraguan, parameter ini tidak boleh diubah sepanjang tempoh FRTD-i. - EPR akan ditetapkan apabila peletakan bermula dan akan dikemas kini mengikut nilai terkini penanda aras apabila setiap ERC baharu bermula. Sepanjang tempoh ERC, EPR akan kekal tidak berubah. - Tempoh penanda aras adalah bersamaan dengan tempoh Kitaran Penetapan Semula Harga EPR (contohnya ERC bulanan dengan KLIBOR 1 bulan; atau ERC suku tahunan dengan KLIBOR 3 bulan). - Untuk pembayaran keuntungan kepada pelanggan, pelanggan boleh memilih antara (i) pembayaran pada tarikh matang; atau (ii) pembayaran keuntungan berkala/interim mengikut kekerapan yang dinyatakan dalam borang. Tempoh keuntungan mungkin lebih pendek daripada atau digabungkan dengan tempoh kitaran penetapan semula harga.										
2	Apakah yang perlu dipertimbangkan oleh pelanggan sebelum membuat peletakan dalam FRTD-i? Pelanggan harus memahami struktur kadar keuntungan, semua parameter yang berkaitan dengan peletakan FRTD-i, termasuk kadar keuntungan, kitaran penetapan semula harga dan sebagainya (mengikut butiran dalam borang peletakan yang berkenaan), dan Terma dan Syarat berkenaan yang mentadbir peletakan FRTD-i.										
3	Apakah borang yang perlu diisi untuk pembukaan akaun/peletakan FRTD-i? - Borang Permohonan Akaun Perniagaan untuk Pelanggan Baharu Bank. - Borang Peletakan FRTD-i - Apa-apa borang lain sepertimana yang dikehendaki oleh Bank										
4	Apakah caj/yuran yang perlu pelanggan bayar? <table border="1" data-bbox="292 1317 1361 1944"> <thead> <tr> <th>Jenis Bayaran</th><th>Butiran</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Yuran Perkhidmatan</td><td>TIADA</td></tr> <tr> <td>Penerbitan Salinan Pendua / Pengganti Penyata Peletakan Deposit FRTD-i</td><td>RM5.00</td></tr> <tr> <td>Penerbitan Salinan Pendua / Pengganti / Percetakan Notis Pembaharuan FRTD-i</td><td>RM2.00</td></tr> <tr> <td>Caj Agensi</td><td> Jumlah Deposit x Kadar Caj Agensi** x (Bil. Hari dalam Tempoh Peletakan / Bil. Hari dalam Setahun*) **Sila rujuk kadar niaga kami untuk mengetahui Kadar Caj Agensi semasa. </td></tr> </tbody> </table>	Jenis Bayaran	Butiran	Yuran Perkhidmatan	TIADA	Penerbitan Salinan Pendua / Pengganti Penyata Peletakan Deposit FRTD-i	RM5.00	Penerbitan Salinan Pendua / Pengganti / Percetakan Notis Pembaharuan FRTD-i	RM2.00	Caj Agensi	Jumlah Deposit x Kadar Caj Agensi** x (Bil. Hari dalam Tempoh Peletakan / Bil. Hari dalam Setahun*) **Sila rujuk kadar niaga kami untuk mengetahui Kadar Caj Agensi semasa.
Jenis Bayaran	Butiran										
Yuran Perkhidmatan	TIADA										
Penerbitan Salinan Pendua / Pengganti Penyata Peletakan Deposit FRTD-i	RM5.00										
Penerbitan Salinan Pendua / Pengganti / Percetakan Notis Pembaharuan FRTD-i	RM2.00										
Caj Agensi	Jumlah Deposit x Kadar Caj Agensi** x (Bil. Hari dalam Tempoh Peletakan / Bil. Hari dalam Setahun*) **Sila rujuk kadar niaga kami untuk mengetahui Kadar Caj Agensi semasa.										
5	Adakah pelanggan dibenarkan melakukan pengeluaran pramatang?										

	Jika pelanggan melakukan pengeluaran pramatang, 100% daripada keuntungan yang dibayar atau perlu dibayar adalah tertakluk kepada pemulangan dan pelucutan hak. Untuk mengelakkan keraguan, tiada keuntungan dibayar kepada Pelanggan sekiranya berlaku pengeluaran pramatang.
6	Bilakah keuntungan yang perlu dibayar kepada pelanggan akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan? Keuntungan yang perlu dibayar kepada pelanggan akan dibayar mengikut aturan berikut: 1. berhubung dengan mana-mana Akaun FRTD di mana keuntungan perlu dibayar apabila matang, tarikh ini bermakna mana-mana Hari Perniagaan pada atau sekitar tempoh matang peletakan. 2. berhubung dengan mana-mana Akaun FRTD di mana keuntungan pendahuluan perlu dibayar, tarikh ini bermakna mana-mana Hari Perniagaan pada atau sekitar hari terakhir Tempoh Keuntungan. Anda boleh merujuk pada ilustrasi di bawah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik.
7	Ke dalam akaun manakah keuntungan akan dikreditkan untuk kekerapan pembayaran keuntungan? Kekerapan pembayaran keuntungan yang dipilih oleh pelanggan akan dipindahkan ke dalam akaun semasa pelanggan berdasarkan nombor akaun dalam borang peletakan yang dihantar semasa pembukaan akaun. Pelanggan juga boleh meminta agar keuntungan itu dikreditkan ke dalam akaun semasa bukan ARBM; walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa pemindahan ini akan dikenakan caj (iaitu caj RENTAS atau IBG).
8.	Bolehkah pelanggan melabur semula keuntungan yang dikreditkan semasa kekerapan pembayaran keuntungan dalam kitaran penetapan semula harga? Keuntungan yang dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan semasa kekerapan pembayaran keuntungan tidak boleh dilaburkan semula semasa kitaran penetapan semula harga.
9	Apakah pilihan pembaharuan yang tersedia untuk pelanggan? Pilihan 1 – Pembaharuan pada kadar tetap (pembaharuan prinsipal + keuntungan, atau prinsipal sahaja) Pilihan 2 – Tiada pembaharuan, dengan pembayaran penuh secara tunai.
10	Apakah risiko yang dikaitkan dengan FRTD-i? a. Kadar pulangan risiko Kadar Keuntungan Efektif (EPR) FRTD-i terikat pada kadar penanda aras. Sekiranya berlaku kenaikan kadar penanda aras, EPR akan turut meningkat. Sebaliknya, jika berlaku penurunan kadar penanda aras, EPR juga akan menurun. b. Risiko Pasaran Oleh sebab FRTD-i terikat pada penanda aras, penanda aras yang digunakan untuk menentukan kadar keuntungan mungkin dipengaruhi oleh faktor ekonomi yang boleh menyebabkan turun naik kadar.
11	Adakah pelanggan akan dimaklumkan tentang sebarang perubahan dalam Kadar Keuntungan Efektif? Tidak. Pelanggan boleh merujuk kepada pegawai cawangan untuk mengetahui Kadar Keuntungan Efektif (EPR) terkini.